

## **BAB KETIGA**

### **TUJUAN DAN KEISTIMEWAAN PERUMPAMAAN AL-QURAN**

## **BAB 3**

### **TUJUAN DAN KEISTIMEWAAN**

#### **PERUMPAMAAN AL-QURAN**

##### **3.1 TUJUAN PERUMPAMAAN AL-QURAN**

Bab ini membincangkan tentang matlamat atau tujuan gaya bahasa perumpamaan dalam al-Quran. Daripada tujuan-tujuan ini, kita akan dapat mengetahui hikmah dan rahsia di sebalik penggunaan gaya bahasa ini di dalam al-Quran.

Sebagaimana diketahui, perumpamaan merupakan salah satu gaya bahasa *ilm al-bayān* yang mempamerkan ciri-ciri keindahan. Ahli-ahli retorik Arab sering menggunakan gaya bahasa ini dalam percakapan mereka untuk tujuan tertentu. Begitu juga dengan al-Quran yang sememangnya mengandungi kepelbagaian gaya bahasa yang digunakan termasuk gaya bahasa perumpamaan.

Sebenarnya penampilan gaya bahasa perumpamaan dalam al-Quran mempunyai mesej dan tujuan yang bukan sahaja untuk menggambarkan keindahan dan keunggulan penggunaan bahasa yang tiada tolok bandingnya, bahkan mempunyai tujuan-tujuan yang lebih menumpukan

kepada hal-hal berkaitan dengan aqidah, keagamaan, pendidikan, kehidupan, kemasyarakatan, kepimpinan dan sebagainya yang menyentuh dunia dan akhirat.

Dengan itu, kita dapati perumpamaan yang dibuat oleh al-Quran tidak dapat diatasi oleh ahli-ahli bahasa dan pujangga-pujangga Arab dalam semua aspek kesenian retorik sama ada dari segi penonjolan isi, penyampaian maksud, penggunaan perkataan dan pengolahan ayat. Perumpamaan yang dibuat ternyata dapat mengatasi kemampuan ahli-ahli bahasa dan pakar-pakar ilmu retorik Arab, bahkan ia telah diklasifikasikan sebagai salah satu unsur daripada unsur-unsur i'jāz ( إعجاز ) yang dikemukakan oleh al-Quran.

Tujuan perumpamaan al-Quran boleh diklasifikasikan kepada dua bahagian asas iaitu tujuan secara umum dan tujuan secara khusus. Kedua-dua jenis tujuan umum dan khusus ini akan dapat membongkar rahsia di sebalik kekerapan penggunaan gaya bahasa ini di dalam al-Quran. Tujuan umum perumpamaan ini akan memperlihatkan pelbagai mesej yang ingin disampaikan secara globalisasi dan tujuan khusus pula hanya akan menumpukan kepada persoalan tajuk-tajuk tertentu sahaja.

### 3.1.1 TUJUAN PERUMPAMAAN AL-QURAN SECARA UMUM

Terdapat beberapa tujuan perumpamaan al-Quran yang boleh diperhatikan secara umum. Antara tujuan-tujuan tersebut ialah :-

#### 3.1.1.1 Perumpamaan untuk mendekatkan gambaran perkara yang dibandingkan kepada diri pendengar.

Tujuan ini akan dapat membuka mata dan pandangan orang yang tidak mengetahui atau sukar untuk memahami secara keseluruhannya mengenai kes-kes tertentu yang memerlukan kepada penghuraian lanjut. Dengan adanya perumpamaan ini, ia akan dapat menghilangkan segala keraguan tersebut serta dapat menerimanya tanpa prasangka.

Contoh yang jelas dapat dilihat daripada perumpamaan yang menggambarkan sifat-sifat bidadari yang berada di dalam syurga. Firman Allah S.W.T . dalam surah al-Wāqiat\_ ayat 22-23 :

﴿ وَحُورٌ عِينٌ ۖ كَأَمْثَلِ اللُّؤْلُؤِ الْمَكْنُونِ ﴾

*Maksudnya : " dan bidadari ( yang cantik parasnya ) seperti mutiara yang tersimpan dengan baik " .*

Sebenarnya bidadari mempunyai rupa bentuk yang dapat dikenali oleh

pancaindera zahir, tetapi disebabkan mereka tidak dapat dikesan di alam nyata menyebabkan hanya khayalan yang dapat menggambarkan mereka. Melalui gaya bahasa perumpamaan ini, Allah S.W.T. telah memperkenalkan bidadari kepada manusia seolah-olah mereka berada hampir dengannya.

Ini adalah merupakan keistimewaan perumpamaan al-Quran yang berupaya untuk mendekatkan sesuatu gambaran ke dalam diri pendengar. Matlamat perumpamaan ini telah dapat mencapai maksud dengan memberi penjelasan tersebut.

### **3.1.1.2 Perumpamaan untuk memberi keyakinan kepada sesuatu.**

Keyakinan yang terhasil daripada perumpamaan ini kadangkala dapat mencapai tahap sebagai bahan bukti atau hujah. Perumpamaan yang dibuat menunjukkan kepada dalil-dalil logik ( mantiqī ) yang menyakinkan seperti permulaan kejadian dan kebangkitan semulanya.

Banyak ayat-ayat al-Quran yang menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan aqidah dengan menggunakan gaya bahasa ini. Antaranya sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah al-A`raf ayat 29 :

﴿ كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ ﴾

Maksudnya : “ *sebagaimana Dia telah menjadikan kamu pada mulanya, (demikian pula) kamu akan kembali (kepadaNya)* ”.

Dalam surah Al-Rūm ayat 27 pula, Allah S.W.T. berfirman :

﴿ وَهُوَ الَّذِي يُبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ ﴾

Maksudnya : “ *dan Dialah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Dia akan mengembalikannya* ”.

Begitu juga dengan ayat 104 daripada surah Al-Anbiyā' yang berbunyi :

﴿ كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُهُ وَعَدْنَا عَلَيْنا إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ ﴾

Maksudnya : “ *sebagaimana Kami mulakan wujudnya sesuatu kejadian, Kami ulangi wujudnya lagi sebagai satu janji yang dibuat oleh Kami, sesungguhnya Kami tetap akan melaksanakannya* ”.

Perumpamaan dalam ayat-ayat ini mengandungi bukti dan hujah mengenai kekuasaan Allah S.W.T. yang mana Dia dengan mudahnya dapat mengembalikan semula kejadian sebagaimana asalnya selepas daripada kemusnahannya. Kekuasaan mutlak ini tidak dapat disangkalkan lagi kerana apabila Allah S.W.T. menghendaki sesuatu perkara itu terjadi, ianya akan terhasil jua. ( *lihat maksud surah Yasin : 77 - 82* ). Ternyata, perumpamaan ini dapat mencapai satu matlamat yang maha besar dalam menanam aqidah Islamiah.

### 3.1.1.3 Perumpamaan untuk menggalakkan kepada kebaikan dan mengelak daripada kejahatan.

Kebaikan dan kejahatan merupakan dua perkara berlawanan yang dilakukan oleh setiap individu sama ada disedari atau tidak. Dalam gaya bahasa perumpamaan al-Quran, kedua-dua perkara ini disebut secara langsung untuk dijadikan timbangan kepada seseorang. Pembaca dan pendengar akan terasa tertarik hati serta menaruh minat terhadap segala kebaikan yang disebut. Begitu juga sebaliknya, mereka akan mengelakkan diri daripada segala kejahatan yang diceritakan kerana bandingan-bandingan yang dibuat melalui gaya bahasa ini dapat memberi kefahaman yang jelas kepada mereka tentang kedua-dua perkara tersebut.

Contoh perumpamaan yang menggalakkan kepada kebaikan ialah sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah Ibrahim ayat 24 :

﴿ أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ... ﴾

Maksudnya : " *tidakkah engkau melihat bagaimana Allah mengemuka satu perbandingan iaitu perkataan yang baik adalah seperti sebatang pohon yang baik , pangkalnya tetap teguh dan pucuknya menjulang ke langit... "*

Perumpamaan daripada ayat ini terus dibandingkan dengan contoh kejahatan iaitu firmanNya dalam ayat ke 26 daripada surah tersebut :

﴿ وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ ﴾

Maksudnya : " dan bandingan perkataan yang buruk samalah seperti sebatang pokok yang tidak berguna, yang mudah tercabut akarnya dari muka bumi, tidak ada baginya tapak untuk tetap hidup ".

Dalam ayat ini, Allah S.W.T. membuat perumpamaan bagi perkataan baik dan perkataan buruk. Perumpamaan pertama menggalakkan kepada penggunaan perkataan baik dan perumpamaan kedua memberi peringatan agar tidak menggunakan perkataan buruk semasa bercakap.

Perkataan-perkataan tauhid, dakwah, seruan ke arah kebaikan dan larangan daripada kemungkaran digambarkan seperti pokok yang tumbuh dengan tunjang yang kuat dan pucuk yang menjulang tinggi. Adapun perkataan-perkataan kufur, dosa, zalim, permusuhan dan umpatan adalah seperti pokok yang tidak mempunyai akar yang kukuh dan akan tumbang pada bila-bila masa.

Menurut **Al-Zamakhsharī** ( T.T : 301 ), perkataan baik ialah kalimah tauhid dan dikatakan juga setiap perkataan baik seperti tasbih, tahmid, istighfar, taubat dan dakwah. Perkataan buruk pula ialah kalimah syirik dan kufur. **Dr. Abd al-'Azīm Ibrahīm** ( T.T : 2 : 239 ) menyokong pendapat ini



kerana kalimah tauhid berasal daripada perkataan-perkataan yang baik dan kalimah kufur berasal daripada perkataan-perkataan buruk.

Dalam perumpamaan ini, matlamatnya dapat dicapai dengan baik yang mana suruhan dan larangan dapat dicapai hanya dengan menggunakan satu ayat yang diolah dengan gaya bahasa perumpamaan. **Dr. Muhammad Abu Musa** ( 1993 : 100 ) menyatakan bahawa di antara keistimewaan gaya bahasa al-Quran ialah pengimbangan antara dua makna yang berlawanan dalam satu susunan ayat bagi menjelaskan perbezaan antara keduanya. Bab ini termasuk dalam bab-bab keunikan usul-usul retorik.

#### **3.1.1.4 Perumpamaan untuk memotivasi keinginan dan memberi peringatan.**

Melalui tujuan ini, seseorang dapat dirangsangkan untuk melakukan segala keinginan dan mengambil sikap berhati-hati dalam perkara yang diingatkan. Tujuan ini lebih bersifat mendidik dan melatih untuk melaku dan meninggalkan sesuatu perbuatan.

Dalam ayat 261 dari surah al-Baqarah, Allah S.W.T. berfirman :

﴿ مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَنَابِلٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ ﴾

( rujuk maksud ayat hlm. 67 ).

Perumpamaan ini dapat memberi motivasi kepada seseorang untuk membelanjakan hartanya ke jalan Allah S.W.T.

Begitu juga Allah S.W.T. mengumpamakan orang-orang yang membelanja harta di jalan Allah S.W.T. dengan tidak membangkit-bangkit pemberian tersebut, akan memperoleh pahala di sisiNya ( *al-Baqarah* : 262 ). Sebaliknya, orang-orang yang merusakkan sedekah mereka dengan membangkit-bangkit semula pemberian tersebut dan ingin menunjuk-nunjuk serta riya' diumpamakan seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian ditimpa hujan lebat menyebabkan tanah tersebut hanyut dibawa air dan meninggalkan batu tersebut ( *al-Baqarah* : 264 ).

Firman Allah S.W.T :

﴿ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَكُرَّكَهُ صَلْدًا ﴾

( rujuk maksud ayat hlm. 27 ).

Islam melarang umatnya bersifat riya'. Ia merupakan salah satu daripada penyakit masyarakat yang melambangkan keruntuhan diri dan moral seseorang. Islam menjaga hak-hak kemanusiaan dan kehormatan, sebab itulah al-Quran mengingatkan pemberi-pemberi sedekah agar menjaga perasaan, maruah dan air muka penerima sedekah tersebut. Jika menyimpang daripada asas ini, rosaklah amalan yang dilakukannya oleh

nereka kerana riya' dapat membatalkan segala pahala sedekah yang dikeluarkan ( **Dr. Mahmud Al-Syarif** 1981 : 39 ).

Dalam perumpamaan seterusnya, Allah S.W.T. membuat perbandingan orang-orang yang membelanjakan harta mereka kerana mencari keredaan Allah S.W.T. seperti sebuah kebun di kawasan dataran tinggi yang disirami hujan lebat atau hujan renyai-renyai sehingga menghasilkan buahnya dua kali ganda. Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah ayat 265 :

﴿ وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيحًا مِنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكْلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلَّ ۝۲ ﴾

Maksudnya : " dan bandingan orang-orang yang membelanjakan harta mereka kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan ( iman dan perasaan ikhlas ) yang timbul daripada jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat tinggi yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat, memadai dengan hujan renyai-renyai sahaja cukup untuk menyiraminya ) ".

Dalam ayat-ayat di atas, terdapat dua perumpamaan yang mengarah kepada dua perkara yang berbentuk suruhan dan larangan :

i) memotivasi keinginan manusia ke arah melakukan perkara-perkara terpuji. Ia dapat diperhatikan melalui balasan berganda yang diperolehi hasil daripada biji benih yang ditanam pada tanah yang baik dan sentiasa disirami hujan sehingga dapat mengeluarkan hasil yang memuaskan.

ii) memberi peringatan kepada manusia daripada perkara-perkara keji. Ia dapat dilihat melalui perbuatan sia-sia orang yang membatalkan sedekah mereka dengan membangkit - bangkitkan semula pemberian mereka dengan perasaan megah dan riya'.

Akibat daripada perbuatan ini, mereka diumpamakan dalam ayat berikut ( *al-Baqarah* : 266 ) seperti seseorang yang mempunyai kebun kurma, anggur dan tanaman lain yang hidup subur dengan aliran air sungai merentangi kawasannya, tetapi apabila umurnya semakin meningkat tua, sedangkan anak-anaknya masih kecil, tiba-tiba kebun tadi terbakar kesemuanya dengan tiupan angin kencang yang membawa api.

Firman Allah S.W.T :

﴿ أَيُّودٌ أَحَدَكُمُ أَنْ تَكُونَ لَهُ جَنَّةٌ مِّنْ نَّجِيلٍ وَأَعْنَابٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ لَهُ فِيهَا مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ

وَأَصَابَهُ الْكِبَرُ وَلَهُ ذُرِّيَةٌ ضَعْفَاءٌ فَأَصَابَهَا إِعْصَارٌ فِيهِ نَارٌ فَاحْتَرَقَتْ ۗ ﴾

Maksudnya : " adakah seseorang di antara kamu suka mempunyai sebuah kebun yang terdiri daripada pokok tamar dan anggur, mengalir di bawahnya

*beberapa sungai. Terdapat juga dalam kebun tersebut segala jenis buah-buahan, sedang ia sudah tua dan mempunyai banyak anak cucu yang masih kecil, lalu kebun itu ditimpa dengan angin taufan yang membawa api sehingga membakar kebun tersebut ”.*

Perumpamaan ini diakhiri dengan memperlihatkan balasan bagi orang-orang yang bersedekah dengan perasaan riya'.

#### **3.1.1.5 Perumpamaan untuk pujian dan kejian.**

Salah satu matlamat perumpamaan ialah untuk memuji dan mengeji orang-orang yang berhak dengan pujian dan kejian tersebut. Ia bertujuan untuk membezakan antara yang baik agar berterusan dengan sifat-sifatnya dan yang jahat agar meninggalkan sifat-sifat buruknya.

Contoh bagi tujuan ini dapat dilihat pada puji-pujian Allah S.W.T kepada Muhammad S.A.W. dan sahabat-sahabat baginda sebagaimana yang diceritakan dalam kitab Taurat, Injil dan seterusnya disebut dalam al-Quran. Pujian ini dikemukakan dengan cara menyebut secara langsung sifat-sifat mereka yang terpuji dalam Taurat dan mengungkapkannya dengan menggunakan gaya bahasa perumpamaan di dalam Injil.

Disebut sifat-sifat terpuji para sahabat di dalam kitab Taurat yang eh dijadikan sebagai contoh sebagaimana berikut ( *al-Fath* : 29 ) :

i) bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang mana mereka berani berkorban dengan memerangi musuh-musuh Allah tersebut :

﴿ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ ﴾

maksudnya : " *Muhammad ialah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas kepada orang-orang kafir* ".

bersikap kasih sayang sesama sendiri yang mana masyarakat mereka ialah masyarakat yang berkasih sayang, bekerja sama dan tolong menolong antara satu sama lain :

﴿ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ ﴾

maksudnya : " ( *dan sebaliknya* ) *bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri* ".

iii) berada dalam keadaan sentiasa melakukan ibadat dengan rukuk dan sujud sehingga terserlah kesan-kesan sujud pada muka mereka menampakkan keikhlasan dalam mencapai keredaan Allah S.W.T :

﴿ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أَلْتِ السُّجُودِ ﴾

aksudnya : " engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud dengan mengharapakan limpah kurnia ( pahala ) daripada tuhan mereka serta mengharapakan keredaanNya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang saleh) terdapat pada muka mereka daripada kesan sujud".

Sifat-sifat terpuji mereka dalam Injil pula telah diolah dengan menggunakan gaya bahasa perumpamaan. Mereka diibaratkan seumpama tumbuhan yang mengeluarkan tunasnya di mana tunas ini menjadikan tumbuhan ini semakin kuat membesar, subur dan tegak sehingga dapat menyenangkan hati penanam-penanamnya :

﴿ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْطَهُ فَكَازَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَى عَلَى سُوقِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ ... ﴾

Maksudnya : " demikianlah sifat mereka yang tersebut dalam kitab Taurat, dan sifat mereka yang tersebut dalam kitab Injil pula ialah seperti pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunas itu menyuburkannya sehingga ia menjadi kuat, lalu tegap berdiri di atas batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya ...".

Contoh perumpamaan bertujuan untuk kejian pula sebagaimana yang

rdapat dalam al-Quran ialah satu perumpamaan orang-orang Yahudi yangempelajari dan menghafaz kitab Taurat, tetapi tidak mempercayai dan tidakramal dengan apa yang tersebut di dalamnya. Mereka diumpamakan seperti seekor keldai sedang membawa buku-buku yang banyak manfaat di atas belakangnya, tetapi tidak menghiraukannya ( *al-Jumuat* : 5 ).  
firman Allah S.W.T :

﴿ مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا ﴾

*rujuk maksud ayat hlm. 33 ).*

Perumpamaan ini telah berjaya menempelak orang-orang Yahudi yang menunjukkan kedegilan mereka menerima apa yang tercatat dalam kitab Taurat. Pemilihan keldai sebagai perbandingan begitu tepat sekali berbeda dengan haiwan-haiwan lain seperti kuda, unta dan sebagainya. Walaupun haiwan-haiwan ini juga sememangnya mempunyai persamaan dengan keldai, tetapi disebabkan perwatakan keldai lebih terkenal dengan sifat-sifat bodoh, dungu dan degil, ia telah diketengahkan untuk dijadikan objek perbandingan dalam perumpamaan ini.

Memang pada zahirnya, tujuan perupamaan ini ialah untuk menghina orang-orang Yahudi dengan sifat-sifat kedunguan dan kedegilan mereka sebagaimana yang ada pada keldai yang paling terkenal dengan sifat-sifat tersebut.



**Sayyid Qutub ( 1987 : 6 : 3567 ) menyatakan :**

*“ Ini adalah satu gambaran yang hina dan satu perumpamaan yang keji, tetapi gambaran ini amat tepat menggambarkan hakikat sebenar ”.*

Menurut beliau lagi, ayat ini juga boleh ditujukan kepada mereka yang tidak melaksanakan tanggungjawab terutama sekali orang-orang Islam yang membaca al-Quran tetapi tidak beramal dengannya. Apa yang menjadi masalah di sini bukannya masalah memikul dan membaca kitab, tetapi masalah memahami dan mengamalkan apa yang diajar di dalam kitab tersebut.

#### **3.1.1.6 Perumpamaan untuk menggerakkan daya pemikiran secara kreatif.**

Tumpuan asas perumpamaan ini adalah khusus kepada ahli ilmu dan bijak pandai kerana ia memerlukan kepada kecerdikan mental dan kekuatan daya fikir yang mampu menghasilkan natijah yang baik. Dalam sastera, biasanya perumpamaan seperti ini digunakan untuk menguji minda terutamanya dalam penyelesaian teka-teki dan sebagainya.

Contohnya seperti firman Allah S.W.T. dalam surah al-Hasyr ayat 21 :

﴿ لَوْ أَنزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ ﴾

( rujuk maksud ayat hlm. 23 ).

Penurunan al-Quran ke atas sebuah gunung bukanlah daripada pengetahuan sedia ada pada manusia sehinggalah didatangi dengan perumpamaan ini untuk memberi keyakinan dan menggerakkan ahli bijak pandai agar berfikir, memerhati dan mempelajari apa yang tersirat di sebalik perumpamaan tersebut. Sebab itu, di akhir ayat ini, Allah S.W.T. mengungkapkan dengan :

﴿ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴾

yang membawa maksud : " .... supaya mereka berfikir ".

Pemerhatian yang dapat dikupas daripada perumpamaan ini ialah :-

- i) Kewujudan makna tersirat yang menunjukkan maksud teks ayat ini keseluruhannya iaitu menuntut orang-orang Islam supaya membaca al-Quran serta mendengar bacaannya dengan khusyu' dan mengambil pengajaran daripadanya.
- ii) Pengakuan bahawa al-Quran adalah kalam Allah S.W.T. dan cahayaNya. Kalam ini apabila dihadap dan ditujukan kepada sesuatu sama ada yang bergerak atau diam dan kaku, nescaya akan lahir rasa kegerunan terhadap kekuasaan Allah S.W.T.

### **3.1.2 TUJUAN PERUMPAMAAN AL-QURAN SECARA KHUSUS**

Al-Quran merupakan kitab yang memberi hidayah dan menetapkan prinsip-prinsip kehidupan kepada manusia. Ia dapat menolak segala syubhat dengan hujah-hujah dan dalil-dalil yang diolah dengan pelbagai gaya bahasa termasuk gaya bahasa perumpamaan. Gaya bahasa ini adalah antara gaya bahasa yang penting untuk menguatkan makna ayat. Ia dikemukakan dalam bentuk yang jelas bersandarkan kepada kenyataan semasa.

Berdasarkan kepada tujuan khusus gaya bahasa perumpamaan dalam al-Quran, ia dapat dipecahkan kepada beberapa bahagian. Secara keseluruhannya, tujuan khusus perumpamaan ini tertumpu kepada hubungan makhluk dengan Penciptanya yang Maha Besar. Tujuan-tujuan perumpamaan tersebut dapat dirumuskan seperti berikut :-

#### **3.1.2.1 Perumpamaan yang menggambarkan hal keadaan orang-orang beriman.**

Perumpamaan ini boleh dibahagikan kepada tujuh tujuan utama iaitu :-

i) Menerangkan keadaan orang-orang beriman yang terkenal dengan

sifat-sifat dan perilaku yang baik, mempunyai keazaman, kekuatan, kemuliaan yang terpuji. Keterangan ini boleh didapati dalam pujian Allah S.W.T. kepada nabi dan para sahabatnya yang sentiasa melakukan ibadat dan diumpamakan dengan tumbuhan yang mengeluarkan tunas dan hidup subur sehingga menghairankan penanamnya. ( *al-Fath* : 29 , rujuk hlm. 91 ).

ii) Menyatakan hakikat cahaya yang memenuhi dada mereka dan mereka mengikuti cahaya tersebut sebagai pedoman. Penjelasan tentang perkara ini dibuat dengan menggunakan perumpamaan yang begitu unik .

Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Nūr ayat 35 :

﴿ اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ  
مِنْ شَجَرَةٍ مُبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ ﴾

Maksudnya : " Allah menerangi cahaya langit dan bumi. Perumpamaan cahaya Allah ( *al-Quran* ) adalah seperti sebuah lubang di dinding rumah ( *misykat* ) untuk diletakkan pelita. Pelita itu dalam kaca dan kaca itu seperti bintang yang bercahaya, dinyalakan daripada minyak pohon zaitun yang berkat. Pohon ini tumbuh tidak di sebelah timur dan barat ( bukan sahaja disinari matahari semasa terbitnya dan gelincirnya ) dan minyaknya hampir-hampir memancarkan cahaya walaupun tidak disentuh api " .

Dada orang-orang yang beriman diumpamakan dengan satu lubang di ruang rumah untuk diletakkan pelita, hati mereka diumpamakan dengan kaca pelita yang jernih bersinar dan akal mereka diumpamakan seperti pelita yang bernyala daripada minyak zaitun. Kesemua dada, hati dan akal terdapat padanya cahaya Allah S.W.T. yang mana sumber bahan bakarnya datang daripada satu pohon dinamakan "kalimat Al-Tauhid".

iii) Memberangsang orang-orang beriman supaya membuat kebajikan dan berbelanja di jalan Allah S.W.T. Ianya dapat diperhatikan dalam contoh-contoh terdahulu yang mengumpamakan orang-orang yang membelanja harta mereka dengan ikhlas akan diberi ganjaran yang berlipat ganda (lihat surah al-Baqarah : 261 dan 265, rujuk hlm. 85-87).

iv) Mengajak orang-orang beriman berpegang dengan Islam dalam apa jua keadaan. Contoh yang dikemukakan ialah Asiah binti Mazahim isteri kepada Firaun (raja Mesir) yang begitu tabah dan sabar. Asiah tidak pernah meminta kemewahan di dunia, tapi mengutamakan tempat tinggal yang berdekatan dengan tuhaninya di syurga. Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Tahrīm ayat 11 :

﴿ وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِلَّذِينَ آمَنُوا امْرَأَتَ فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ ابْنِ لِي عِنْدَكَ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ ... ﴾

Maksudnya : " Dan Allah mengemukakan satu perbandingan kepada orang-

orang mukmin iaitu hal isteri Firaun ( Asiah ) ketika dia berkata : wahai tuhanku, binalah untukku sebuah rumah di sisiMu dalam syurga ... ”.

Begitu juga Mariam binti Imran yang disifatkan dengan wanita suci , sabar, mulia dan taat yang tidak berbelah bagi kepada Allah S.W.T. sebagaimana firmanNya dalam ayat berikut ( *al-Tahrīm* : 12 ) :

﴿ وَمَرْيَمَ ابْنَتَ عِمْرَانَ الَّتِي أَحْضَتْ فَرْجَهَا فَنفَخْنَا فِيهِ مِنْ رُوحِنَا ۗ ﴾

﴿ وَصَدَقَتْ بِكَلِمَاتِ رَبِّهَا وَكُتِبَ عَلَيْهَا إِتْقَانُ الْإِسْلَامِ مِنَ الْقَائِمِينَ ۗ ﴾

Maksudnya : “ Dan Maryam binti Imran yang telah memelihara kehormatannya, Kami tiupkan ke dalam rahimnya roh ciptaan Kami dan dia membenarkan kalimah-kalimah dan kitab-kitab tuhannya, dia termasuk orang-orang yang taat ”.

v) Menghiburkan hati orang - orang beriman dengan gambaran kenikmatan dan kelebihan yang akan mereka perolehi berlainan dengan orang-orang kafir yang akan menerima padah dan kesesatan. Allah S.W.T. mengumpamakan mereka dapat berjalan dengan cahaya yang terang, sementara orang-orang kafir berada dalam keadaan gelap gelita ( lihat surah *al-An`ām* : 122, rujuk hlm. 40-41 ).

vi) Menerangkan kebenaran serta kemenangan bagi orang - orang beriman dan kebatilan serta kekalahan bagi orang-orang kafir. Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Ra`d ayat 17 :

﴿ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌ بِقَدَرِهَا فَاحْتَمَلَ السَّيْلُ زَبَدًا رَابِيًا  
وَمِمَّا يُنْفِقُونَ عَلَيْهِ فِي النَّارِ ابْتِغَاءَ حِلْيَةٍ أَوْ مَتَاعٍ زَبَدٌ مِثْلَهُ ... ﴾

Maksudnya : " Allah menurunkan air ( hujan ) dari langit lalu membanjiri tanah-tanah lembah ( dengan airnya ) menurut kadar yang ditetapkan oleh tuhan untuk faedah makhluknya, kemudian banjir itu membawa buih yang terapung-apung dan daripada benda-benda yang dibakar di dalam api untuk dijadikan barang perhiasan atau perkakas yang diperlukan, juga timbul buih seperti itu ".

Al-Quran mengumpamakan kebenaran dan kebatilan dengan air dan buih atau logam dan tahinya. Kebenaran diumpamakan dengan air atau logam tulen dan kebatilan diumpamakan dengan buih-buih air dan tahi-tahi logam yang tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada manusia.

vii) Memberi idea kepada orang-orang beriman dalam perdebatan dengan ahli-ahli kitab. Diceritakan bahawa orang - orang Nasrani pernah berdialog dengan Rasulullah S.A.W. mengenai kejadian Nabi

`Isa A.S. yang didakwa sebagai anak Allah S.W.T. kerana baginda dilahirkan tanpa bapa. Allah S.W.T. telah menurunkan wahyunya kepada Rasulullah S.A.W dan para sahabat bagi menyangkal dakwaan tersebut dengan menggunakan gaya bahasa perumpamaan yang membandingkan perbezaan asal kejadian Nabi `Isa A.S. dengan Nabi Adam A.S. Jika sekiranya Nabi `Isa A.S. dianggap sebagai anak Allah S.W.T., maka Nabi Adam A.S. lebih berhak lagi dianggap demikian kerana baginda pula dilahirkan tanpa ibu dan bapa. ( lihat surah *Āli-`Imrān* : 59, rujuk hlm. 42 & 70 ).

### **3.1.2.2 Perumpamaan yang menggambarkan tentang sifat dan kelakuan orang-orang kafir.**

Perumpamaan ini mengandungi tiga tujuan utama yang ingin dicapai :

i) Memperbodohkan impian orang-orang kafir dengan kekolotan dan kejumudan pemikiran mereka. Mereka diumpamakan seperti haiwan yang hanya mendengar segala panggilan tuannya sedangkan ia tidak mengerti apa maksudnya.

Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 171 :

﴿ وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الْإِنْعَقِ بِنَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دَعْوَاءَ وَنِدَاءَ صَمِّكُمْ عَنْهُمْ فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴾



Maksudnya : “ dan bandingan ( orang yang menyeru ) orang-orang kafir ( yang tidak mahu beriman itu ), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari hanya mendengar suara panggilan sahaja, ( mereka itu ) ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta, oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akal ”.

ii) Menghina orang-orang kafir yang menjadikan berhala sebagai tempat perlindungan yang menampakkan kejahilan mereka. Keadaan mereka yang diumpamakan seperti labah-labah yang membuat sarang sebagai tempat perlindungan menggambarkan betapa lemahnya objek yang mereka sembah untuk berlindung seolah-olah sama dengan sarang labah-labah.

Firman Allah S.W.T. dalam surah al-`Ankabūt ayat 41 :

﴿ مَثَلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنْكَبُوتِ اتَّخَذَتْ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنْكَبُوتِ ﴾

Maksudnya : “ bandingan orang-orang yang menjadikan selain Allah sebagai pelindung ( yang diharapkan pertolongannya ) adalah seperti labah-labah yang membuat sarang ( sebagai tempat perlindungannya ) , pada hal sesungguhnya sarang yang paling lemah ialah sarang labah-labah ”.

iii) Menerangkan kesudahan buruk dan amalan batil orang-orang kafir

dengan kekosongan dan kehampaan, tidak sebagaimana yang dicitakan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. tentang amalan mereka yang diumpamakan hanya seperti pandangan orang-orang yang kehausan terhadap riak-riak air di tanah lapang ( fatamorgana ) yang disangkakan sebagai air ( *lihat surah al-Nūr : 39, rujuk hlm. 60* ).

### **3.1.2.3 Perumpamaan yang menggambarkan tentang sifat dan kelakuan orang-orang munafiq.**

Orang-orang munafiq digambarkan dengan sifat-sifat keburukan perangai, kerosakan akhlak, kesesatan akidah dan keraguan diri. Mereka lebih bahaya dan lebih sesat daripada orang-orang kafir lagi. Sebab itu, Allah S.W.T. telah menerangkan keadaan mereka dalam beberapa ayat perumpamaan yang melarang orang-orang Islam bergaul dan menaruh kepercayaan kepada mereka.

Allah S.W.T. telah menceritakan hal keadaan orang-orang munafiq secara terperinci ( *al-Baqarah : 17 - 19* ) yang mana mereka dengan nyata telah menolak cahaya hidayat yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.

Menurut 'Abd al-Rahman Hasan Hanbakah ( 1989 : 506 - 509 ), dalam ayat-ayat ini menceritakan tentang dua golongan munafiq :

i) Golongan yang betul-betul menampakkan kemunafiqannya. Secara lahirnya mereka memperlihatkan diri mereka sebagai orang-orang yang beriman, tetapi penuh dengan pendustaan dan pemalsuan. Digambarkan keadaan mereka yang telah sama-sama menyaksikan cahaya Islam :

﴿ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْفَدَ نَارًا ... ﴾

( rujuk maksud ayat hlm. 43-44 )

Tetapi orang-orang munafiq ini cuba menutup mata mereka, enggan menerima cahaya hidayat tersebut menyebabkan Allah S.W.T. menghilangkan cahaya tersebut dari pandangan mereka dan membiarkan mereka berada dalam kegelapan :

﴿ فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ ﴾

( rujuk maksud ayat hlm. 43-44 ).

Kemudian digambarkan orang-orang munafiq sengaja memekakkan telinga mereka daripada mendengar seruan kebenaran ketika berada dalam majlis ilmu, membisukan lidah daripada menyatakan kebenaran dan membutakan mata daripada melihat cahaya keimanan. Sifat -sifat ini dijelaskan dengan :

﴿ صُمُّ بِكُمْ عَنْ نِعْمِي فَمَا لَا يَرْجِعُونَ ﴾

( rujuk maksud ayat hlm. 43-44 ).

ii) Golongan yang ragu-ragu antara kekufuran dan keimanan, bahkan lebih mirip kepada kekufuran. Mereka bukan menutup terus pandangan mereka, kadang-kadang mereka membukanya juga untuk melihat cahaya Islam dan berjalan melaluinya, tetapi apabila nafsu menguasai mereka, mereka akan berada di jalan kesesatan. Digambarkan keadaan orang-orang munafiq ini sebagaimana berikut :

﴿ أَوْ كَصَيْبٍ مِنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَنُقُرٌّ يُجْعَلُونَ أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِنَ الصَّوَاعِقِ ... ﴾

( rujuk maksud ayat hlm. 43-44 ).

Gambaran tentang keraguan mereka di mana sesekali berada dalam cahaya keimanan dan sesekali pula berada dalam kegelapan kekufuran seperti orang yang berada dalam hujan rahmat. Apabila ada cahaya kilat, mereka mengikuti cahaya tersebut, tetapi apabila cahaya itu hilang mereka kekal dalam kegelapan sebagaimana biasanya. Walaupun begitu, mereka masih dapat melihat cahaya dan mendengar bunyi dentuman kilat tersebut, tetapi apabila terlalu kuat sangat suara guruh di langit, mereka akan menutup telinga mereka dengan tangan masing-masing.

Berikut adalah gambaran jelas mengenai perumpamaan golongan ini :

(a) ( الصَّيْبِ ) { Hujan } Bandingan ajaran yang diturunkan kepada Rasulullah.

(b) ( ظُلُمَاتٌ ) { Gelap } Bandingan orang yang menutup mata daripada hidayat.

(c) ( رَعْدٌ ) { Guruh } Bandingan ayat-ayat yang memberi peringatan.

(d) ( بَرْقٍ ) { *Kilat* } Bandingan imbasan cahaya bila mereka membuka mata.

( f ) ( يَجْعَلُونَ أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ ) { *mereka menutup telinga dengan jari* } Bandingan

orang yang menutup pendengaran daripada ayat-ayat peringatan.

Akhirnya, Allah S.W.T. menerangkan status orang-orang munafiq adalah dalam hukum kufur kerana tahap penerimaan mereka kepada keimanan tidak sampai kepada kepada satu tahap yang boleh mengeluarkan mereka daripada kekufuran. FirmanNya :

﴿ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ ﴾

Maksudnya : " sedang ( pengetahuan dan kekuasaan ) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu ".

Al-Quran juga telah membuat pendedahan mengenai niat buruk dan perancangan jahat orang-orang munafiq untuk mengadu domba dan melaga-lagakan orang-orang Islam dengan orang-orang Yahudi di Madinah. Pujukan mereka telah berjaya mengapi-apikan orang - orang Yahudi sehingga tercetusnya pergolakan dan peperangan ( *al-Hasyr : 11-16* ).

Pujukan orang-orang munafiq ini disifatkan oleh Allah S.W.T. seumpama pujukan syaitan yang mengajak manusia supaya kufur bersama-

samanya, tetapi kemudiannya berlepas tangan dengan menyatakan bahawa ia tidak bersalah serta takut kepada Allah S.W.T. Ayat 16 daripada surah al-Hasyr menggambarkan peristiwa ini :

﴿ كَمَثَلِ الشَّيْطَانِ إِذْ قَالَ لِلإِنْسَانِ اكْفُرْ فَلَمَّا كَفَرَ قَالَ إِنِّي بَرِيءٌ مِنْكَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ رَبَّ الْعَالَمِينَ ﴾

Maksudnya : “ ( sikap kaum munafiq dan kaum Yahudi ) samalah seperti ( sikap ) syaitan ketika ia berkata kepada manusia : kufurlah engkau ! Setelah orang itu kufur, berkatalah syaitan : sesungguhnya aku berlepas diri daripadamu, kerana aku takut kepada Allah Tuhan semesta alam ”.

Bagi menjelaskan lagi ketidaktentuan dan kekolotan perasaan orang-orang munafiq serta penipuan terhadap keimanan mereka, Allah S.W.T. telah membuat satu perumpamaan dalam satu surah yang dinamakan dengan surah al-Munāfiqūn. Dalam ayat ke 4 surah ini, al-Quran telah menyifatkan mereka seperti kayu buruk yang tersandar di dinding walaupun tubuh badan mereka tegap dan mengagumkan. Firman Allah S.W.T :

﴿ وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ وَإِنْ يَقُولُوا تَسْمَعُ لِقَوْلِهِمْ كَأَنْهُمْ خَشَبٌ مُسْتَدَدٌ ... ﴾

Maksudnya : “ dan apabila engkau melihat mereka, engkau tertarik hati oleh tubuh badan mereka dan apabila mereka berkata-kata, engkau juga ( tertarik hati ) mendengar tutur kata mereka ( kerana manis dan petah ). Mereka

### 3.1.2.4 Perumpamaan yang menggambarkan pelbagai aspek lain .

Kebanyakan perumpamaan ini bertujuan untuk memberi nasihat kepada orang-orang beriman dan pengajaran kepada orang-orang kafir. Ia menceritakan tentang kehidupan di syurga, panduan dalam hidup bermasyarakat, kisah kemusnahan kaum-kaum terdahulu dan sebagainya .

Di antara gambaran tentang keadaan kehidupan di syurga seperti firman Allah S.W.T. dalam surah al-Ra`d ayat 35 :

﴿ مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وَعَدَ الْمُتَّقُونَ نَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ أُكْلُهَا دَائِمٌ وَظِلُّهَا ... ﴾

Maksudnya : " *sifat syurga yang dijanjikan kepada orang-orang bertaqwa itu ialah air sungainya sentiasa mengalir di sekitar tamannya, makanannya kekal tidak putus-putus dan naungannya sentiasa teduh* " .

Di antara beberapa panduan yang disediakan oleh Allah S.W.T. dalam hidup bermasyarakat, firmanNya dalam surah al-Hujurāt ayat 12 :

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبِ

بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُّبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ... ﴾

Maksudnya : " *wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari sangkaan ( supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang ) , kerana*

*sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari kesalahan dan keaiban orang lain dan janganlah kamu mengumpat sebahagian yang lain. Sukakah seseorang dari kamu memakan daging saudaranya yang telah mati ? ( jika demikian keadaan mengumpat ), maka sudah tentu kamu jijik kepadanya ...".*

Kisah mengenai kemusnahan kaum-kaum terdahulu dan keadaan ketika berlakunya qiamat banyak diceritakan melalui gaya bahasa perumpamaan. Sebagai contohnya dalam surah al-Qamar ayat 19 - 20 diceritakan :

• ﴿ إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِي يَوْمٍ نَحْسٍ مُّسْتَمِرٍّ . تَنْزِعُ النَّاسَ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُّنْقَعِرٍ ﴾

Maksudnya : " *sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada mereka ( kaum `Ād ) angin ribut yang sangat kencang pada hari nahas yang berterusan, yang melimpangkan manusia seperti pokok-pokok kurma yang terbongkar "* .

Selain daripada ayat-ayat tersebut, banyak lagi contoh yang mengungkapkan perumpamaan di bawah tujuan ini yang keseluruhannya membawa nasihat, pengajaran, pendidikan dan peringatan kepada manusia semasa hidup di dunia dan sebagai bekalan di akhirat kelak.



### **3.2 KEISTIMEWAAN PERUMPAMAAN AL-QURAN**

Gaya bahasa perumpamaan merupakan salah satu kaedah daripada kaedah-kaedah gaya bahasa retorik yang digunakan dalam al-Quran bagi menerangkan sesuatu maksud. Jika diperhatikan kepada gaya bahasa ini dalam al-Quran, didapati ia mengandungi beberapa keistimewaan yang memberi kesan yang mendalam ke dalam jiwa, menampakkan perkara maknawi, menjelaskan keraguan dan menepati maksud.

Para sasterawan telah menjadikan gaya bahasa ini sebagai medan untuk mengasah bakat mereka dalam menonjolkan keunggulan gaya bahasa ini dalam kesenian sastera Arab. Perumpamaan-perumpamaan al-Quran telah dijadikan model yang patut diikuti untuk menghasilkan gaya bahasa yang baik.

Sebelum mengkaji keistimewaan dan keunikan gaya bahasa perumpamaan di dalam al-Quran dengan secara lanjut, penulis membentangkan keistimewaan gaya bahasa ini secara umumnya terutama dilihat dalam aspek ilmu retorik Arab.

### 3.2.1 KEISTIMEWAAN GAYA BAHASA PERUMPAMAAN

Gaya bahasa perumpamaan dalam pertuturan manusia merupakan ungkapan yang menampakkan keistimewaan dan keunikan tersendiri. Keistimewaannya dapat dilihat dalam beberapa konteks yang telah digariskan oleh para ilmuan retorik.

Menurut **Dr. Bakri Syeikh Amin** ( 1980 : 200 ), para pengkaji telah meletakkan empat asas utama yang perlu ada dalam gaya bahasa perumpamaan iaitu :-

- i) Penggunaan ayat yang ringkas ( إيجاز ) iaitu penyampaian sesuatu makna dapat dicapai hanya dengan beberapa perkataan sahaja.
- ii) Maksud yang disampaikan tepat. Perumpamaan yang dibuat sesuai dengan naluri jiwa pendengar dan dapat diterima secara langsung.
- iii) Perbandingan yang dikemukakan menarik. Titik persamaan antara kedua perkara yang dibandingkan tepat, mengenai sasaran dan menyakinkan pendengar.

iv) Kiasan yang digunakan menarik, sesuai dengan kenyataan dan dapat diterima oleh perasaan dan akal yang sempurna.

Keempat-empat ciri ini telah menjadikan gaya bahasa perumpamaan sampai ke satu tahap yang amat menarik. Ciri-ciri ini sebenarnya telah disebut oleh Ibrahim al-Nazzami ( **Sa'īd al-Khaṭīb** dalam muqaddimah kitab *Al-Amthāl fi al-Qurān al-Karīm* karya Ibn al-Qayyim al-Jauziyyat T.T : 22 ) dengan katanya :

*“Terkumpul empat aspek yang terdapat dalam gaya bahasa perumpamaan yang tidak terdapat pada gaya bahasa lain : keringkasan perkataan, ketepatan makna, keelokan perbandingan dan keindahan kiasan”.*

**Dr. Mahmūd Sayyid Syaikhūn** ( 1981 : 14 ) pula telah membuat satu kesimpulan mengenai rahsia keunikan gaya bahasa ini . Antara rahsia-rahsia yang menyebabkan keunikannya ialah kerana gaya bahasa ini :-

- i) Meninggalkan kesan yang mendalam
- ii) Memperjelaskan perkara-perkara 'aqlī dalam bentuk ḥissī
- iii) Menukar perkara-perkara ma'nawī kepada haqīqī

- iv) Ringkas dan padat
- v) Jelas dan nyata
- vi) Memberi maksud yang tepat
- vii) Menonjolkan maksud-maksud yang tersirat dalam ayat
- viii) Menggambarkan maksud ke dalam pemikiran dengan jelas.

Memandangkan kepada keistimewaan yang terdapat dalam gaya bahasa ini, banyak di kalangan sasterawan dan pujangga Arab yang menggunakannya dalam hasil karya mereka. Karya-karya ini ternyata menjadi khazanah perumpamaan Arab yang tinggi nilainya sehingga kini.

Di dalam al-Quran, boleh dikatakan keseluruhan gaya bahasa perumpamaannya menitik berat kepada asas-asas ini. Bahkan lebih daripada itu sehingga telah mencapai ke tahap i'jāz ( إعجاز ) ( tahap yang menampakkan kemukjizatan al-Quran ) yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana gaya bahasa perumpamaan lain. Dengan itu, para ulama telah menetapkan gaya bahasa perumpamaan ini sebagai salah satu ciri daripada ciri-ciri kemukjizatan al-Quran.

### 3.2.2 CIRI-CIRI KEISTIMEWAAN PERUMPAMAAN AL-QURAN

Gaya bahasa perumpamaan mempamerkan beberapa ciri keunikan dan keistimewaan sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. Banyak contoh daripada karya-karya sastera Arab yang menggunakan gaya bahasa ini memperlihatkan ciri-ciri keunikan dan keistimewaannya masing-masing. Tetapi apabila dilihat kepada perumpamaan al-Quran, didapati gaya bahasanya melebihi tahap kemampuan pencapaian manusia.

Terdapat beberapa ciri keistimewaan tersendiri dalam gaya bahasa perumpamaan al-Quran yang menampakkan keseniannya yang begitu halus dan unik sebagaimana dinyatakan oleh **Dr. Mahmūd Sayyid Syaikhūn** ( hlm. 19 - 26 ). Antara ciri-ciri keistimewaan tersebut ialah :

#### 3.2.2.1 Gambaran perumpamaan yang dibuat mempunyai satu ikatan yang kukuh.

Seni penggambaran merupakan satu kaedah yang sentiasa digunakan dalam gaya bahasa al-Quran. Ia dianggap sebagai kaedah pertama untuk memberi penjelasan dan penerangan terhadap sesuatu perkara yang ingin difokuskan. **Sayyid Qutub** ( 1966 : 34 ) telah memberi

satu ulasan yang menarik tentang seni penggambaran dalam al-Quran dengan katanya :

*“ Seni ini dapat menghasilkan gambaran dalam bentuk zahir daripada makna-makna tersiratnya dan dapat memperlihatkan satu babak yang nyata dihasilkan melalui naluri kemanusiaan. Apabila makna - makna tersirat dapat disuratkan, naluri dan perasaan kemanusiaan dapat dipertontonkan, maka penggambaran yang ditayangkan dapat membentuk satu objek yang bersakhsiah, hidup dan bergerak ”.*

Penggambaran yang dibuat dapat membentuk satu gabungan ikatan yang tersusun kukuh. Ia terdiri daripada beberapa unit yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Keadaan ini memperlihatkan kekuatan gaya bahasa bayān ( بيان ) dalam mengumpamakan sesuatu melalui gabungan beberapa pecahan unit-unit kecil dalam satu struktur ayat.

Antara contoh-contoh ayat daripada al-Quran ialah perumpamaan orang-orang Yahudi yang tidak mempercayai kitab Taurat dengan seekor keldai yang tidak mengambil kira bebanan yang dibawanya ( *al-Jumu'at* : 5 , rujuk hlm. 33 ).

﴿ مَثَلُ الَّذِينَ حَمَلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا ﴾

Maksudnya : " bandingan orang-orang ( Yahudi ) yang dipertanggungkan ( mengetahui dan melaksanakan hukum ) kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungan itu, samalah seperti keldai yang memikul kitab-kitab tebal ( sedang ia tidak mengetahui kandungannya ) " .

Perumpamaan ini digambarkan daripada beberapa unit kecil yang membentuk satu susunan kukuh terdiri daripada { orang-orang Yahudi }, { menanggung kitab Taurat }, { tidak beramal dengannya }, { keldai }, { membawa barangan bermanfaat } dan { tidak mengambil faedah daripadanya } ( lihat jadual 4 ).

**Jadual 4 : Perumpamaan Beberapa Unit Yang Digabungkan**

Unit-unit	Perkara yang diumpamakan	Gambaran yang dibuat
1	Orang-orang Yahudi	Seekor keldai
2	Menanggung kitab Taurat	Membawa kitab-kitab tebal
3	Tidak beramal dengan Taurat	Tidak mengambil faedah daripada kitab-kitab tersebut

Menurut Dr. 'Ali Muhammad Hasan ( 1994 : 50 ), kalau ingin diregukan dan dibandingkan antara orang Yahudi dengan keldai, menanggung kitab Taurat dengan membawa kitab-kitab tebal dan seterusnya, nescaya dapat dilakukan sedemikian. Tetapi perumpamaan ini tidak akan terhasil sebagaimana yang dikehendaki kerana apa yang dimaksudkan oleh al-Quran dalam perumpamaan ini ialah susunan perbandingan daripada kesemua unit-unit tersebut, bukannya satu unit dibandingkan dengan unit yang lain.

Dalam memberi penghuraian mengenai perumpamaan ayat ini, 'Abd al-Qāhir al-Jurjānī ( 1982 : 81 ) menegaskan :

*" Perumpamaan ini tidak boleh digambarkan dengan beberapa perbandingan lain di dalamnya kerana gandingan pertama perlu dijelaskan dengan gandingan kedua, gandingan kedua perlu dijelaskan dengan gambaran ketiga dan sebaliknya. Gambaran hanya akan terhasil melalui percampurannya antara satu sama lain, jika tidak ia akan terbatal dengan sendirinya dan maksud untuk menghina orang yang tidak mengambil manfaat daripada sesuatu yang berharga tidak akan terhasil "*



### 3.2.2.2 Pemilihan perkataan yang digunakan bersesuaian dengan maksud yang ingin disampaikan.

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam perumpamaan al-Quran adalah bersesuaian dengan maksud yang ingin disampaikan. Kesesuaian perkataannya yang ringkas, jelas dan tepat telah dapat membantu kesinambungan struktur ayat perumpamaan tersebut untuk menghasilkan satu makna yang berkesan.

Contohnya ialah perumpamaan al-Quran mengenai kehidupan di dunia dan kemusnahan alam ini yang disangkakan oleh penghuninya bahawa ia akan kekal selama-lamanya dan tidak ada alam lain selepasnya :-

( i ) Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Kahf ayat 45 :

﴿... مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيَّاحُ﴾

Maksudnya : " Perumpamaan mengenai kehidupan di dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur dengan tumbuhan di bumi antara satu sama lain, kemudian ia menjadi kering dan hancur diterbangkan oleh angin " .

( ii ) Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Hadid ayat 20 :

﴿ اَعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُمْ فِيهَا مَتَاعٌ وَثَوَابٌ وَمَأْوَاكُمُ الْمَوْتُ الْأُولَىٰ وَمَا تَعْمَلُونَ فِيهَا يُغْفَرُ لَكُمْ فِيهَا وَأَنْتُمْ فِيهَا كَمَلَ ۖ كَمْفَلٍ غَيْثٍ أُعْجِبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ تَمُّ يَحِيحُ فَتَرَاهُ مَضْفَرًا ثُمَّ يَكُونُ حَطَامًا ۖ ﴾

( rujuk maksud ayat hlm. 73 ).

( iii ) Firman Allah S.W.T. surah Yunus ayat 24 :

﴿ ... كَمَا أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّىٰ إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَا أَتَاهَا أَمْرًا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَبِ بِالْأَمْسِ ۖ ﴾

Maksudnya : " Ia adalah seperti hujan yang turun dari langit lalu menyuburkan tumbuhan di bumi yang dapat menjadi makanan manusia dan binatang. Apabila bumi ini sempurna keindahannya ( oleh kehijauan tumbuhan ), dan penghuninya mengira mereka dapat menguasainya ( memetik hasil ), datanglah azab Kami pada waktu malam dan siang, lalu Kami jadikan tanaman itu seperti sudah dituai dan seakan-akan belum pernah tumbuh ".

Ketiga-tiga ayat yang berlainan surah ini mempunyai matlamat yang sama iaitu menceritakan tentang kehidupan di dunia dan kemusnahan alam, tetapi perkataan dan perbandingan yang dibuat adalah berbeza antara satu sama lain mengikut tahap dan kesesuaiannya ( lihat Jadual 5 ).

Dalam surah Yunus, kehidupan di dunia disamakan dengan air hujan yang turun menyuburkan tumbuhan yang dapat dimakan oleh manusia dan binatang sehingga pada saat-saat penuaiannya, diturunkan bencana seolah-olah semua tanaman itu sudah dituai semuanya. Dalam surah al-Kahf, ia disamakan dengan dengan air hujan yang turun menyuburkan tumbuhan di bumi, tetapi akhirnya ia layu, kering dan diterbangkan oleh angin. Dalam surah al-Hadid pula, keadaan kehidupan di dunia yang hanyalah permainan, perhiasan, bermegah dengan anak dan harta samalah seperti hujan yang dikagumi oleh penanam kerana menyuburkan tanamannya, tetapi tanaman tersebut akhirnya menjadi menjadi kering, berwarna kekuningan dan hancur.

**Dr. Ahmad Badawi** ( 1978 : 209 ) dalam membuat ulasan mengenai ketiga-tiga ayat ini menyatakan bahawa al-Quran telah menggambarkan kemusnahan alam ini dengan mengimbaskan kepada kehidupan di dunia yang penuh dengan warna-warna keceriaan dan keindahan hingga membayangkan kekekalannya. Dengan gaya bahasa perumpamaan yang indah, al-Quran menceritakan pada peringkat permulaannya dengan secara ringkas ( *dalam al-Kahf* ), kemudian pada peringkat kedua secara lebih terperinci ( *dalam al-Hadid* ) dan pada peringkat ketiga secara penghuraian lebih lanjut ( *dalam Yunus* ). Penggunaan perkataan dan perbandingan yang berlainan ini telah dapat menetapkan maksud dalam diri dan memberi kesan kepada jiwa pendengar.

**Jadual 5 : Perumpamaan & Perkataan Yang Digunakan Dalam Ayat**

Surah : Ayat	Hakikat kehidupan di dunia ini diumpamakan dengan perkara	Perkataan yang digunakan dalam ayat
Al-Kahf : 45	Air hujan turun menyuburkan tumbuhan di bumi, tetapi akhirnya kering, layu diterbangkan oleh angin.	ماء - السماء - هشما - تدروه الرياح [ hujan - langit - kering - ditiup angin ]
Al-Hadid : 20	Kehidupan yang penuh dengan kesempurnaan ibarat air hujan turun ke bumi dikagumi oleh penanam kerana menyuburkan tanamannya, tetapi tanaman tersebut menjadi kering, berwarna kekuningan dan hancur.	لعب - هو - زينة - تفاخر - تكاثر - الأموال الأولاد - غيث - الكفار - يهيج - مصفرا حطاما [ permainan - kelalaian - perhiasan - bermegah - membanyakkan - harta anak-anak - hujan - penanam - layu - kekuningan - hancur ]
Yunus : 24	Air hujan yang turun menyuburkan tanaman di bumi sehingga dapat menjadi makanan manusia dan binatang. Disangkakan oleh penanamnya mereka akan mendapat hasilnya, tetapi diturunkan bencana seolah-olah semua tanaman itu sudah dituai dan tidak pernah tumbuh sebelum daripada ini.	ماء - السماء - مما يأكل الناس والأنعام زخرفها - وازينت - قادرون عليها - أمرنا حصيدا - كان لم تكن بالأمس : [ Hujan - langit - dimakan manusia dan binatang - keindahannya - berhias - yakin dapat menguasainya - bencana - tertuai - seolah-olah belum pernah tumbuh sebelumnya ]

Selain daripada ayat-ayat di atas, pemilihan perkataan yang tepat dan bersesuaian dengan maksud yang ingin disampaikan dalam perumpamaan al-Quran dapat dilihat sebagaimana berikut :

i) Pemilihan perkataan ( بِنَان ) { binaan } terhadap orang-orang yang berjuang di jalan Allah S.W.T. dalam satu barisan amat memberi kesan ke dalam diri pendengar dengan makna kesepaduan, hubungan rapat dan barisan atau perhimpunan yang kukuh ( lihat surah al-Şaf : 4 ). Semua makna ini tidak akan tercapai sekiranya perkataan tersebut ditukar dengan perkataan-perkataan lain seperti dinding, tembok dan sebagainya.

ii ) Perkataan ( لِبَاس ) { pakaian } yang digunakan kepada hubungan suami isteri amat tepat dengan maknanya ( lihat surah al-Baqarah : 187 ). Perkataan ini menggambarkan sesuatu yang amat diperlukan sama dengan keperluan seseorang kepada pakaian kerana ia adalah sumber keselesaan dan perhiasan.

iii) Perkataan ( الْأَعْلَام ) { bukit } kepada kapal-kapal yang belayar di lautan digunakan dengan unik sekali ( lihat surah al-Rahman : 24 ). Ini dilihat dari sudut penggunaan sinonim daripada perkataan ( أَعْلَام ) kata jamak kepada

( علم ) yang juga bermakna { bendera yang digunakan untuk perhiasan dan keindahan }. Jadi apabila disebut perkataan ( الأعلام ) sebagaimana perumpamaan dalam ayat, ia mengimbaskan kepada dua makna iaitu memberi makna besar ( bukit ) dan makna indah ( bendera ). Berlainan dengan perumpamaan ombak laut dengan ( الجبال ) { bukit } ( lihat surah *Hūd* : 42 ) yang tidak dibandingkan dengan ( الأعلام ) kerana makna yang dikehendaki di sini hanya memberi makna besar sahaja ( Dr. Ahmad Badawi : 1978 : 201-202 ).

### **3.2.2.3 Unsur-unsur perumpamaan diambil daripada keadaan semulajadi.**

Unsur-unsur ini boleh diterima pakai oleh setiap generasi dan di setiap tempat. Ciri ini berbeda dengan perumpamaan biasa yang tidak berasaskan kepada unsur semulajadi. Seperti perumpamaan yang dibuat pada zaman jahiliah, pemusatan isi kandungannya hanya khusus bagi orang-orang yang hidup pada zaman itu dan tinggal di situ sahaja. Berlainan sama sekali dengan al-Quran yang meletakkan unsur semulajadi sebagai medan utama perumpamaannya. Inilah satu faktor yang menghidupkan

perumpamaan al-Quran dari zaman ke zaman dan dari tempat ke tempat selama mana terjalinnya hubungan antara manusia dengan unsur-unsur semulajadi.

Jika diperhatikan di dalam al-Quran, unsur-unsur ini dapat dilihat dengan jelas seperti awan, hujan, kilat, guruh, laut, sungai, tumbuhan, pokok, bukit dan sebagainya. Unsur perumpamaannya juga diambil daripada kumpulan binatang-binatang seperti labah-labah, lalat, nyamuk, keldai dan sebagainya. Juga hal-hal berkaitan dengan penyakit-penyakit dan sifat-sifat manusia seperti buta, pekak, bisu dan lain-lain. Semua unsur ini disusun dan diolah dengan menggunakan gaya bahasa perumpamaan yang indah dan menarik.

Ciri ini merupakan rahsia " kesegaran " perumpamaan di dalam al-Quran sepanjang zaman kerana selama mana terjadinya fenomena semulajadi tersebut, selama itulah perumpamaan ini akan digunakan. Semua orang akan dapat merasai kebenarannya kerana fenomena tersebut sentiasa berada di persekitaran mereka ( **Dr. Ahmad Badawi** : 1978 : 196 ). Ini adalah satu keistimewaan yang tidak terdapat dalam mana-mana gaya bahasa perumpamaan lain.

#### 3.2.2.4 Ciri-ciri keistimewaan lain.

Selain daripada ciri-ciri di atas, terdapat beberapa ciri lain yang menggambarkan keistimewaan gaya bahasa perumpamaan di dalam al-Quran. Di antara ciri-ciri tersebut sebagaimana yang disebut oleh **Abd al-Rahman Hassan Hanbakah ( 1980 : 83 )** iaitu :-

- i) Kehalusan gambaran beserta penampilan unsur-unsur penting daripada gambaran perumpamaan yang dibuat.
- ii) Ketepatan gambaran yang bertempat dan bermasa seolah-olah objek yang dijadikan perbandingan itu hidup dan bergerak.
- iii) Menampakkan kebenaran di antara kedua - dua perkara yang dibanding.
- iv) Kepelbagaian dalam mengemukakan perumpamaan. Kadang - kadang ia dibuat dengan menggunakan *tasybīh*, *tamthīl* murakkab atau asas-asas kesenian lain.
- v) Perumpamaan yang dibuat dapat meletakkan binaan hukum



ke atas perkara yang diumpamakannya ke dalam diri pendengar.

vi) Banyak perumpamaannya yang menyingkir beberapa babak tertentu dalam gambaran yang dibuat atas asas kemampuan pendengar membayangkannya dalam pemikiran mereka dan membuat kesimpulan sendiri terhadap babak yang disingkirkan.

Selain daripada keistimewaan-keistimewaan tersebut, gaya bahasa perumpamaan al-Quran juga boleh dianggap sebagai satu " acuan " yang dapat membayangkan sesuatu maksud dalam gambaran yang menyakinkan. Ia dapat mengumpamakan perkara ghaib dalam bentuk nyata dan perkara 'aqlī dalam bentuk ḥissī sehingga dapat diterima oleh hati dan diyakini oleh akal ( **Manna` Qattan** 1996 : 281 ).

Kesemua ciri keistimewaan yang dinyatakan tersebut telah meletakkan gaya bahasa perumpamaan al-Quran ke satu tahap yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana gaya bahasa perumpamaan lain. Ciri-ciri kesenian yang ada padanya telah dapat melemahkan gaya bahasa - gaya bahasa lain. Perumpamaan yang dibuat telah mencapai tahap yang dikira sebagai salah satu unsur daripada unsur-unsur i'jāz ( إيجاز ) dalam al-Quran ( **Dr. Mahmūd Sayyid Syaikhūn** : 1981 : 30 ).

Dalam jadual 6, 7 dan 8, dibentangkan contoh ciri-ciri keistimewaan tersebut berdasarkan kepada tiga ayat perumpamaan sebagai kesinambungan daripada ayat-ayat perumpamaan lain dalam al-Quran : -

( i ) Ayat 117 surah Āli-`Imrān ( Jadual 6 ) :

﴿ مَثَلُ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَثَلِ رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ حَرْثَ قَوْمٍ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ فَأَهْلَكَتْ ﴾

Maksudnya : " perumpamaan harta yang mereka nafkahkan dalam kehidupan dunia ini seperti angin yang sejuk menimpa tanaman kaum yang menzalimi diri mereka , lalu rosaklah " .

( ii ) Ayat 39 surah al-Nūr ( Jadual 7 ) :

﴿ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَلُهُمْ كَسَرَابٍ بِفِيءَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمْآنُ مَاءً حَتَّىٰ جَاءَهُ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا ﴾

Maksudnya : " dan amalan orang-orang kafir umpama fatamorgana ( riak sinaran panas di tanah rata ) yang disangkakan air oleh orang yang dahaga, tetapi apabila ia bergegas ke sana, dia tidak mendapati sesuatu pun " .

( iii ) Ayat 18 surah Ibrāhīm ( Jadual 8 ) :

﴿ مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ أَعْمَالُهُمْ كَرَمَادٍ اشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ ﴾

Maksudnya : " perumpamaan amalan orang-orang kafir dengan tuhan mereka seperti debu-debu yang ditiup angin pada hari ribut kencang " .

**Jadual 6 : Ciri-Ciri Keistimewaan Perumpamaan Al-Quran [ Ālī-`Imrān : 117 ]**

Ciri-ciri keistimewaan tersebut	Asas-asas perumpamaan dalam struktur ayat
Gambaran ikatan yang kuat	Perumpamaan terdiri daripada amalan, angin sejuk, tanaman, kaum menzalimi diri sendiri.
Pemilihan perkataan sesuai dengan maksud yang ingin disampaikan	Perkataan : angin - sejuk - kaum zalim diri sendiri ريح - صر - ظلموا أنفسهم
Penggunaan unsur-unsur semulajadi	Tiupan angin - angin yang sejuk - tanaman
Gambaran yang halus Ketepatan gambaran dibuat Kebenaran gambaran antara kedua perkara yang dibandingkan	Segala harta perbelanjaan orang kafir di dunia ini seperti angin yang amat sejuk merosakkan semua tanaman orang-orang yang menzalimi diri mereka.
Meletakkan binaan hukum ke atas perkara yang dibandingkan	Selepas ayat perumpamaan ini, terbina hukum : وما ظلمهم الله ولكن أنفسهم يظلمون " Allah tidak menzalimi mereka, tetapi mereka sendiri yang menzalimi diri mereka ".
Menyingkirkan beberapa babak daripada gambaran sebenar atas asas kesimpulan oleh pendengar	Hanya dinyatakan apa yang dibelanja di dunia ... kepada siapa? Apa tujuan? ... tidak disebut. Dinyatakan babak akhirnya: angin sejuk memusnah tanaman, babak awal tiada iaitu : satu kaum yang bercucuk tanam ,subur untuk dituai....
Satu ungkapan yang indah	Kemusnahan tanaman oleh angin sejuk hanya pada kebun kaum yang menzalimi diri mereka sahaja, tidak pada kebun kaum yang diuji Allah.
Perkara 'aqli dizahirkan dalam bentuk hissi.	Amalan menegak kekufuran dengan membelanja harta mereka digambarkan dalam bentuk zahir iaitu kejadian angin merosak tanaman.

**Jadual 7 : Ciri-Ciri Keistimewaan Perumpamaan Al-Quran [ al-Nūr : 39 ]**

Ciri-ciri keistimewaan tersebut	Asas-asas perumpamaan dalam struktur ayat
Gambaran yang dibuat mempunyai satu ikatan yang kukuh	Perumpamaan terdiri daripada beberapa unit : amalan orang-orang kafir - fatamorgana - orang yang dahaga - sangkaannya air - hampa.
Pemilihan perkataan bersesuaian dengan maksud yang disampaikan	Penggunaan perkataan :  أعمالهم - سراب بقية - الظمآن  Amalan orang kafir - fatamorgana - orang dahaga
Unsur alam semulajadi	Fatamorgana : Satu fenomena alam yang terjadi di kawasan lapang dalam keadaan udara panas
Gambaran diukir halus Gambaran bertempat dan bermasa seolah-olah ia hidup dan bergerak. Gambaran menampakkan kebenaran	Amalan-amalan baik yang diharapkan ganjarannya seumpama fatamorgana yang disangkakan air oleh orang yang kehausan, tetapi apabila ia pergi ke tempat tersebut, tiada sesuatu pun didapatinya.
Meletak binaan hukum ke atas perkara yang diumpamakannya	Setelah perumpamaan ini dibuat, terbina satu hukum terhadap amalan mereka : " dan didapati ketetapan Allah di sisinya "
Menyingkir beberapa babak daripada gambaran sebenar.	Gambaran amalan hanya disebut secara umum tanpa dinyatakan apa dan bagaimana amalan yang dilakukan oleh mereka.  Disebut lihat fatamorgana, kemudian bergegas ke arahnya dan tidak didapati sesuatu.....apa yang terjadi seterusnya tidak dinyatakan.  Babak selanjutnya ditinggalkan kepada imaginasi dan andalan pendengar.
Mengumpama perkara 'aqli dalam bentuk hissi / ma'nawi - hakiki.	Amalan merupakan perkara aqli yang dizahirkan dalam ayat secara hissi iaitu fatamorgana ....

**Jadual 8 : Ciri-Ciri Keistimewaan Perumpamaan Al-Quran [ Ibrahim : 18 ]**

Ciri-ciri keistimewaan tersebut	Asas-asas perumpamaan dalam struktur ayat
Gambaran dalam ikatan yang kukuh	Perumpamaan terdiri daripada : amalan orang-orang kafir - debu - berterbangan - ditiup angin - hari ribut kencang.
Pemilihan perkataan sesuai dengan maksud yang ingin disampaikan	Penggunaan perkataan :  اعمالهم - رماد - الريح - يوم عاصف  Amalan orang-orang kafir - debu - angin - ribut
Penggunaan anasir semulajadi	Angin ribut menerbangkan debu-debu ke arah yang berlainan.
Gambaran diukir halus Gambaran bertempat dan bermasa seolah-olah ia hidup dan bergerak Gambaran menampak kebenaran	Amalan-amalan baik yang dilakukan oleh orang-orang kafir hanyalah seperti debu-debu yang berterbangan dibawa angin entah ke mana.
Meletak binaan hukum atas perkara yang dibandingkan	Selepas perumpamaan dibuat, terbina satu hukum : <i>" mereka tidak dapat mengambil manfaat sedikit pun dari apa yang mereka usahakan di dunia "</i> .
Menyingkir beberapa babak daripada gambaran sebenar - terserah kepada kebijaksanaan pendengar membuat kesimpulannya.	Gambaran amalan hanya disebut secara umum tanpa mempersoalkan apa dan bagaimana amalan tersebut ?  Mula-mula dinyatakan gambaran debu berterbangan dibawa angin ke .....( apa yang terjadi seterusnya tidak dinyatakan ).
Mengumpama perkara `aqli ke dalam bentuk hissi / ma`nawi - hakiki	Amalan merupakan perkara `aqli yang dizahirkan dalam bentuk hissi iaitu debu-debu berterbangan ...